

## Beberapa Asas Ajaran Tasawuf Tuan Hj. Ishaq bin Muhammad Arif

Abdul Manam Mohamad

### ABSTRACT

*Tuan Hj. Ishaq, one of the prominent figures of Tariqa Naqshabandiyyah Khalidiyyah in Malaysia, was an active writer. This writing explains several of his thoughts in tasawuf such as the definition of tasawuf, the position of tasawuf in Islam, the position of karamah in tasawuf, tasawuf as an achievement and ways to achieve it. Data is gathered through analysis of his writing and speeches. His views and thoughts on tasawuf are in line with al-Qur'an, Sunnah and opinions of other sufi scholars.*

*Keywords: Sufism leader; Teaching of tasawuf; Imam*

### Pendahuluan

Di Malaysia terdapat beberapa tokoh pengembang tasawuf yang produktif dengan menghasilkan karya-karya ilmiah khususnya mengenai tasawuf dan tarekat seperti Sheikh `Abd al-Samad (Tuan Tabal), Sheikh `Abd al-Malik (Tok Pulau Manis), Sheikh Ahmad bin Muhammad Sa`id, Sheikh Daud Bukit Abal dan lain-lain. Antara mereka juga ialah Tuan Hj. Ishaq bin Muhammad Arif iaitu tokoh pemimpin kumpulan pengamal tarekat Naqshabandiyyah Khalidiyyah yang berpusat di Dong, Raub, Pahang. Tulisan ini akan menganalisa pemikiran beliau mengenai beberapa persoalan tentang tasawuf merangkumi takrif tasawuf, kedudukan karamah dalam hubungan dengan tasawuf, hakikat tasawuf yang merupakan suatu pencapaian dan cara mencapai tasawuf, yang termuat dalam karya-karya beliau, di samping ajaran-ajaran lisan yang pernah disampaikan kepada para murid beliau.

### Pengenalan Ringkas Tuan Hj. Ishaq bin Muhammad Arif

Nama Tuan Hj. Ishaq yang lebih lengkap ialah Ishaq bin Muhammad Arif bin Sutan Tujuan Saka bin Sutan Limbang Laut bin Merah Mas (Jahid t.th., 1). Beliau lebih dikenali dengan panggilan Imam Hj. Ishaq. Gelaran Imam ini

dihubungkan dengan nama beliau kerana beliau pernah berkhidmat sebagai imam dan amil masjid dalam tempoh yang melebihi 30 tahun.

Tuan Hj. Ishaq dilahirkan pada tahun 1908 di Kampung Rawa, Cemur, Perak (Jamaluddin t.th., 1). Keturunan beliau daripada pihak ayahanda berasal daripada keluarga Kesultanan Rawa, Sumatera, Indonesia (Jahid t.th., 1; Jamaluddin t.th., 1). Manakala daripada pihak bonda pula berasal daripada keluarga orang kenamaan di Selangor di mana Tengku Nahmad iaitu datuk sebelah ibu beliau yang asalnya berketurunan Siak, Sumatera, telah mengembara ke Semenanjung Tanah Melayu dan menetap di Kampung Kuantan, Klang, Selangor. Di sana beliau dikenali dengan panggilan Dato' Ubah (Ishaq t.th., [b], 3).

Walaupun Tuan Hj. Ishaq mempunyai latar belakang pendidikan keagamaan secara tradisional di surau dan masjid, namun beliau aktif menulis dan telah menghasilkan beberapa buah karya keagamaan terutamanya mengenai ajaran tasawuf dan tarekat serta sejarah perkembangannya di Raub, Pahang. Antara karya-karya beliau yang telah dihasilkan ialah *Majmu' al-Masa'il*, *Tanbih al-Muridin*, *Majmu' al-Maw'izah*, *Cara-Cara Menjalani Amalan Dalam Tarekat Naqshabandiyyah Khalidiyyah Untuk Mencapai Kepada Tasawuf*, *Asal-Usul Perkembangan Tarekat Naqshabandiyyah di Daerah Raub, Pahang*, dan *Sejarah Perkembangan Tarekat Naqshabandiyyah Khalidiyyah di Kampung Durian Sebatang, Mukim Gali, Raub, Pahang Dar al-Ma'mur* di samping tulisan-tulisan dan risalah-risalah lain yang tidak dibukukan.

Tuan Hj. Ishaq meninggal dunia pada 21 Februari 1992 di kampung Jeram Bangkin, Dong, Raub, Pahang, kerana sakit tua. Usia beliau ketika itu ialah 84 tahun. Jenazah beliau telah dikebumikan di tanah perkuburan kampung tersebut yang terletak tidak jauh dari Surau Suluk Ihya' al-Qulub.

### **Penglibatan dengan Pengamalan Tarekat Naqshabandiyyah**

Tuan Hj. Ishaq mula mengenali Tarekat Naqshabandiyyah Khalidiyyah ketika beliau belajar ilmu tasawuf daripada Tuan Guru Hj. Muhammad Khatib bin Sutan Kaya. Tuan Guru Hj. Muhammad Khatib adalah anak murid Sheikh Hj. Umar bin Muhammad al-Khalidi dan *khalifah* beliau yang paling tua. Sebelum berpindah ke Raub, Pahang. Tuan Hj. Ishaq merupakan seorang guru agama serta pemimpin suluk di Kampung Bertam, Tanjung Malim, Perak dan mempunyai ramai murid di sana.

Tuan Hj. Ishaq telah mengambil talqin zikir dan bay'ah Tarekat Naqshabandiyyah Khalidiyyah daripada guru beliau itu pada tahun 1927. Pada ketika itu beliau baru berumur 19 tahun (Jamaluddin t.th., 2; Ishaq t.th., [b], 9). Setelah menerima *talqin* dan *bay'ah* tarekat daripada guru beliau itu, maka pada

penghujung tahun yang sama, beliau mula menjalani *suluk* di bawah pimpinan Sheikh Hj. Umar bin Muhammad sendiri bertempat di Surau Suluk Kubu di Kampung Durian Sebatang, Raub, Pahang (Ishaq t.th., [b], 9).

Setelah hampir tujuh tahun mempelajari serta mengamalkan tarekat dan beberapa kali menjalani *suluk* di bawah bimbingan dan asuhan Sheikh Hj. Umar, maka Tuan Hj. Ishaq telah diangkat menjadi khalifah serta diizinkan pula mengajar Tarekat Naqshabandiyyah Khalidiyyah oleh guru beliau itu pada tahun 1353 hijrah (1934) (Ishaq t.th., [a], 5). Pada waktu itu umur beliau 25 tahun.

Selepas kewafatan Sheikh Hj. Umar, Tuan Hj. Ishaq telah dibimbing dan diberi tunjuk ajar pula oleh dua orang khalifah Tarekat Naqshabandiyyah Khalidiyyah yang juga merupakan murid kepada Sheikh Hj. Umar iaitu Tuan Hj. Muhammad Salih bin Hj. Umar dan Tuan Hj. Abdul Wahab bin Hj. Muhammad Siddiq bin Hj. Salim (Jamaluddin t.th., 2). Setelah hampir 30 tahun diizinkan mengajar Tarekat Naqshabandiyyah Khalidiyyah oleh Sheikh Hj. Umar, barulah beliau mula memimpin suluk.

Suluk pertama yang dipimpin oleh Tuan Hj. Ishaq adalah pada tahun 1964 di Surau Suluk Kampung Ajai, Raub, Pahang. Suluk pimpinan beliau kemudiannya berpindah ke tempat baru iaitu Surau Suluk Kampung Jeram Bangkin, Dong, Mukim Gali, Raub, Pahang. Surau tersebut yang lebih dikenali dengan nama Zawiyah Ihya' al-Qulub mula didirikan dan beroperasi pada pertengahan tahun 1960-an. Pertama kali suluk di surau tersebut diadakan adalah pada bulan Oktober tahun 1965 (Ishaq t.th., [a], 6).

Tuan Hj. Ishaq telah menjadikan Zawiyah Ihya' al-Qulub sebagai pusat pengamalan dan penyebaran Tarekat Naqshabandiyyah Khalidiyyah pimpinannya. Di samping itu, di surau tersebut juga diadakan kuliah agama yang meliputi pelajaran ilmu usuluddin, fiqh, al-Quran, hadis dan tasawuf. Walau bagaimanapun beliau lebih menekankan kepada pengajaran ilmu tasawuf dan tarekat (Jamaluddin t.th., 3).

Zawiyah Ihya' al-Qulub telah menarik ramai murid tarekat untuk datang belajar, menerima dan seterusnya mengamalkan Tarekat Naqshabandiyyah Khalidiyyah di bawah pimpinan Tuan Hj. Ishaq. Mereka datang dari seluruh pelusuk tanah air malah ada juga yang datang dari Singapura, Thailand dan Sumatera (Jamaluddin t.th., 3). Zawiyah ini merupakan antara zawiyah tarekat Naqshabandiyyah Khalidiyyah yang terbesar dan terkenal khususnya di kalangan pengamal tarekat di Malaysia. Murid-murid Tuan Hj. Ishaq dianggarkan melebihi 5000 orang yang terdiri daripada laki-laki dan juga perempuan (Kamarul, Temubual, Jun 2000). Sehingga kini tarekat Naqshabandiyyah Khalidiyyah pimpinan Tuan Hj. Ishaq ini masih lagi diamalkan malah dikembangkan

dan disebarluaskan lagi oleh para khalifah beliau sehingga ia menjadi antara kumpulan pengamal dan penyebar tarekat yang aktif dan mempunyai ramai pengikut di Malaysia.

### **Pandangan Tuan Hj. Ishaq Mengenai Tasawuf**

Penelitian terhadap karya-karya yang telah dihasilkan, kuliah-kuliah yang dirakamkan dan temubual dengan para murid Tuan Hj. Ishaq mendapati bahawa beliau ada membicarakan dan memberikan huraian khusus mengenai tasawuf dan beberapa persoalan yang berkaitan dengannya. Antara persoalan yang sering dibicarakan bahkan menjadi doktrin utama beliau adalah seperti yang disenarai berikut.

#### **Kedudukan Tasawuf dalam Islam**

Dalam memberikan gambaran umum tentang tasawuf, Tuan Hj. Ishaq menjelaskan bahawa agama terbina dan menjadi sempurna atau lengkap dengan tiga perkara iaitu islam, iman dan ihsan (Ishaq, Kuliah, Mei 1989). Islam adalah kerja anggota di mana ia menyentuh persoalan amali atau praktikal dan tempatnya ialah anggota lahiriah manusia. Iman adalah kerja hati di mana ia menyentuh persoalan keyakinan dan tempatnya ialah dalam hati. Manakala ihsan pula adalah keikhlasan di mana ia merujuk kepada persoalan kerohanian dan tempatnya ialah batin, roh atau hati manusia (Ishaq, Kuliah, Mei 1989). Islam tertakluk dengan ilmu fiqh, iman tertakluk dengan ilmu usuluddin dan ihsan pula tertakluk dengan ilmu tasawuf. Islam membicarakan hukum-hukum lahiriah, iman (usul) membicarakan persoalan keyakinan, manakala ihsan pula membicarakan hukum-hukum batin (Ishaq, Kuliah, Mei 1989).

Dari perspektif ilmu tasawuf, pengamalan terhadap islam yang berasaskan keimanan membentuk suatu yang diistilahkan sebagai syariat. Manakala peningkatan tahap kebersihan dan kejernihan rohani yang dicapai hasil daripada pengamalan terhadap syariat itu disebut sebagai tarekat. Tarekat itu pula akan membuahkan ihsan iaitu apa yang diistilahkan sebagai hakikat. Hakikat itu secara umumnya bermaksud pencapaian dan penyaksian rohani terhadap hakikat-hakikat ketuhanan Allah dan keikhlasan dalam melaksanakan ibadat. Oleh itu hakikat adalah hasil atau natijah yang diperolehi daripada tarekat dan tarekat itu pula adalah natijah yang didapati daripada syariat (al-Kumushkhanawi 1328, 77). Dengan kata lain syariat itu ialah ibadat kepada Allah yang berasaskan keyakinan terhadapNya semata-mata. Tarekat itu ialah gerakan rohani iaitu peningkatan tahap kehadiran hati dan kebersihan batin yang berlaku di sebalik ibadat tersebut. Manakala hakikat itu pula ialah penyaksian terhadap hakikat-hakikat ketuhanan Allah sehingga fana' dalam penyaksian tersebut.

Penelitian mendapati bahawa ahli tasawuf menggunakan istilah yang berbagai-bagai dalam menggambarkan ketiga-tiga perkara ini. Antaranya, ada yang menjelaskan syariat itu sebagai *`ibadah*, tarekat itu *`ubudiyyah* dan hakikat itu *`ubudah* (Ibn `Ajibah 1983, jil.1: 10). Ada juga yang menggambarkan syariat itu sebagai *khidmah* (praktik atau amali), tarekat itu *qurbah* (pendekatan diri) dan hakikat itu *wuslah* (pencapaian rohani) (al-Kumushkhanawi 1328, 77). Ada juga yang menyebut syariat itu sebagai ibadat, tarekat itu *hudur* (kehadiran hati) dan hakikat itu *shuhud* (penyaksian rohani) (Ibn `Ajibah 1983, jil.1: 10). Apa yang jelas, kepelbagaian istilah tersebut adalah merujuk kepada perkara yang sama.

Penjelasan Tuan Hj. Ishaq bahawa agama Islam menjadi lengkap dengan tiga perkara iaitu islam, iman dan ihsan, menepati kandungan hadis Jibril a.s.. Kedatangan Jibril a.s. untuk menemui Nabi s.a.w. dan seterusnya bertanyakan baginda tentang islam, iman dan ihsan dalam peristiwa yang terkenal itu adalah bertujuan mengkhabarkan tentang rukun agama yang terdiri dari tiga perkara tersebut. Perkara ini dapat diperhatikan pada penjelasan Nabi s.a.w. yang bermaksud “sesungguhnya dia itulah Jibril yang datang kepada kamu bagi mengajarkan kepada kamu agama kamu”(al-Bukhari 1987 & al-Naysaburi 1954 & Ibn Hanbal t.th., jil.1: 64).

Demikian juga penjelasan Tuan Hj. Ishaq bahawa islam itu amalan anggota lahiriah, iman itu keyakinan hati dan ihsan itu pula keikhlasan, adalah menepati jawapan Nabi s.a.w. terhadap pertanyaan Jibril a.s. mengenai perkara-perkara tersebut. Ini dapat dilihat dengan jelas di mana keseluruhan rukun islam adalah merujuk kepada amalan lahiriah manusia. Rukun iman pula merujuk kepada kepercayaan dan keyakinan hati. Manakala ihsan pula merujuk kepada penyaksian batin yang membawa kepada pencapaian hakikat keikhlasan (al-Bukhari 1987 & al-Naysaburi 1954 & Ibn Hanbal t.th., jil.1: 64).

Kenyataan Tuan Hj. Ishaq bahawa agama itu menjadi lengkap dan sempurna dengan tiga perkara iaitu islam, iman dan ihsan atau syariat, tarekat dan hakikat, menunjukkan bahawa ketiga-tiga perkara itu mempunyai pertalian yang sangat rapat dan tidak boleh dipisahkan antara satu sama lain. Masing-masing menjadi pelengkap dan penyempurna kepada yang lain. Menurut beliau, berpegang dengan tali Allah yang terkandung dalam firman Allah yang bermaksud “dan hendaklah kamu semua berpegang dengan tali Allah”(Ali `Imran: 103) bermaksud berpegang dengan islam, iman dan ihsan tersebut. Beliau menjelaskan bahawa apa yang dimaksudkan dengan tali Allah itu ialah tali rahmat Allah atau jalan yang boleh membawa kepada mendapat rahmat Allah yang terdiri dari ketiga-tiga perkara tersebut (Ishaq, Kuliah, Mei 1989).

## Takrif Tasawuf

Untuk mengetahui dengan lebih jelas lagi tentang persepsi Tuan Hj. Ishaq terhadap tasawuf dan persoalan-persoalan yang berkaitan dengannya, maka kita perlu melihat definisi beliau terhadap tasawuf itu dan juga beberapa ajaran beliau mengenainya. Dalam memberikan definisi terhadap tasawuf, beliau menjelaskan bahawa tasawuf itu ialah kebersihan zahir dan batin dari sesuatu yang dicela oleh syarak (Ishaq, Kuliah, Mei 1989). Kebersihan zahir, seperti yang dapat difahami daripada kenyataan beliau ini bermaksud keterikatan anggota lahiriah dengan peraturan-peraturan syariat yang merangkumi suruhan dan larangan Allah. Manakala kebersihan batin pula bermaksud kejernihan keyakinan terhadap hakikat-hakikat iman dan terbuangnya sifat-sifat kecelaan serta terhias pula dengan sifat-sifat kepujian.

Definisi tasawuf yang dikemukakan oleh Tuan Hj. Ishaq ini iaitu kebersihan zahir dan batin dari sesuatu yang bercanggahan dengan syarak mempunyai hakikat yang boleh dirujuk dalam al-Quran. Ini kerana tasawuf itu merupakan tingkatan khusus dan orang yang mencapainya pula merupakan manusia pilihan yang diistilahkan sebagai sufi. Dalam al-Quran golongan manusia pilihan ini dinamakan awliya'. Mengenai mereka ini, Allah berfirman yang bermaksud, "Ketahuilah bahawa sesungguhnya para wali Allah itu tidak merasa takut dan tidak berdukacita. Mereka itu ialah orang-orang yang (benar-benar) beriman dan bertaqwa" (Yunus: 62-63). Al-Quran telah menjelaskan tentang sifat-sifat mereka bahawa mereka itu ialah orang-orang yang memiliki keimanan dan ketaqwaan yang hakiki. Lantaran memiliki keimanan dan ketaqwaan yang sebenar inilah menjadikan mereka tidak merasa takut kepada yang lain dari Allah dan tidak pula berdukacita. Hakikat keimanan dan ketaqwaan yang menjadi ciri utama kewalian ini merujuk kepada pengertian kebersihan zahir dan batin iaitu kemurnian serta keteguhan iman dan keterikatan anggota zahir dengan hukum syarak. Oleh itu tasawuf adalah *wilayah* (kewalian) yang disebut dalam al-Quran.

Penelitian terhadap takrifan Tuan Hj. Ishaq mengenai tasawuf mendapati bahawa ia tertumpu kepada makna kesucian diri sama ada zahir mahu pun batin. Kesucian diri ini merupakan intipati atau unsur asasi bagi tasawuf seperti yang dapat dilihat dalam takrifan yang diberikan oleh para ulama tasawuf. Unsur kesucian diri seumpama ini dapat dilihat dalam takrifan-takrifan yang diberikan oleh tokoh-tokoh seperti Sheikh Abu Bakr al-Kattani, Sheikh Abu Sa'id al-Khrraz dan Sheikh `Abd al-Qadir al-Jilani. Dalam mentakrifkan tasawuf, al-Kattani menyebut bahawa tasawuf itu ialah kesucian (*safa'*) dan penyaksian (*mushahadah*) (Mahmud t.th., 43). Kesucian dalam takrifan al-Kattani ini bermaksud kebersihan zahir dan juga batin manusia. Demikian juga unsur

kesucian diri ini dapat dilihat dalam takrifan al-Kharraz (Mahmud t.th., 42-43) dan al-Jilani (al-Jilani 1956: 558).

Takrifan tasawuf yang dikemukakan oleh Tuan Hj. Ishaq ini secara tidak langsung, juga mengandungi unsur ibadat ketinggian akhlak dan juga kezuhudan yang merupakan sebahagian dari unsur kesufian seperti yang dapat diperhatikan pada takrifan para ulamanya (al-Qushayri 1990, 280; al-Ghazali 1986, 21; Mahmud t.th., 38). Kebersihan zahir pada takrifan Tuan Hj. Ishaq itu, mengandungi pengertian keterikatan anggota lahiriah dengan peraturan syariat yang mana ia adalah perlaksanaan ibadat. Manakala kebersihan batin pula antara lain mengandungi pengertian terbuangnya sifat-sifat kecelaan diri dan terhiasnya ia dengan sifat-sifat terpuji yang mana ia adalah akhlak. Demikian juga kebersihan batin ini mengandungi pengertian tidak cenderung atau terbuang sifat kegilaan terhadap perkara-perkara keduniaan dari hati yang mana ia adalah kezuhudan.

Dari satu sudut yang lain, tasawuf seperti yang didefinisikan oleh Tuan Hj. Ishaq secara zahirnya didapati hanya menyentuh satu daripada dua sudut utama tasawuf. Ini kerana tasawuf itu mengandungi dua sudut utama iaitu jalan atau perantaraan (wasilah) dan matlamat atau tujuan (ghayah). Tasawuf dalam bentuknya yang merangkumi ini telah didefinisikan oleh Sheikh Abu Bakr al-Kattani. Tasawuf menurut beliau, seperti yang telah disebutkan sebelum ini, ialah kesucian (safa') dan penyaksian (mushahadah) (Mahmud, 43). Kesucian adalah perantaraan yang perlu dilalui dan dicapai terlebih dahulu dan penyaksian batin pula adalah matlamat akhir tasawuf yang hendak dicapai. Dalam takrifan Tuan Hj. Ishaq, kebersihan zahir dan batin daripada sesuatu yang dicela syarak adalah merujuk kepada jalan atau perantaraan tasawuf. Manakala matlamat tasawuf itu tidak dinyatakan secara jelas dalam takrifan beliau itu. Walau bagaimanapun matlamat tersebut pada hakikatnya tetap ada dan berhubungan dengan takrifan beliau itu yang terangkum dalam pengertian kebersihan batin. Ini kerana, dengan tercapainya kebersihan batin maka mushahadah dengan sendirinya terhasil.

### **Kedudukan Karamah dalam Hubungan dengan Tasawuf**

Penjelasan Tuan Hj. Ishaq terhadap tasawuf bahawa ia merupakan kebersihan, kejernihan atau kesucian zahir dan batin daripada sesuatu yang bercanggahan dengan syarak memperlihatkan bahawa beliau tidak memberikan perhatian dan tidak mengambilkira perkara-perkara luar biasa (*karamah hissiyah*) dalam menjelaskan tentang pencapaian hakikat tasawuf. Dengan kata lain, beliau tidak mengsyaratkan pada seseorang *sufi* itu terjadi pada dirinya perkara-perkara yang menyalahi adat kebiasaan. Apa yang menjadi tumpuan beliau dalam hal yang berkaitan dengan tasawuf ini ialah kekeramatan maknawi (*karamah ma`nawiyah*)

iaitu kekeramatan iman dan amal (Jahid, Temubual, September 1999). Kerap kali beliau menegaskan bahawa bukanlah menjadi tujuan bertarekat untuk mendapatkan kehebatan dan perkara-perkara yang luar biasa, tetapi tujuan bertarekat itu ialah untuk memperbaiki akhlak (Ishaq, Kuliah, Mei 1989) dan juga untuk menghampirkan diri kepada Allah serta mendapat keredhaan-Nya (Ishaq t.th., [c], 1).

Tinjauan terhadap pendirian para ulama tasawuf mendapati bahawa mereka juga tidak memberikan penumpuan kepada kekeramatan zahir. Mereka sebenarnya merasa bimbang dengan kezahiran perkara-perkara seperti itu kerana ada kalanya ia menjadi *istidraj* (al-Sha`rani 1305, 2: 113). Di samping itu kekeramatan zahir di sisi mereka adalah termasuk dalam perkara-perkara yang dikira sebagai karenah nafsu (Ibn `Arabi t.th., 2: 371). Menurut mereka, kekeramatan zahir itu bukanlah menjadi ukuran atau tanda keutamaan, kelebihan dan ketinggian darjat seseorang yang mencapai tahap kewalian (al-Yafi`i 1961, 119). Ketidakahiran kekeramatan zahir itu pula tidak dikira sebagai sesuatu yang mencatatkan kewalian seseorang itu (al-Qushayri, 355). Malahan, kadangkala wali yang tidak zahir kekeramatannya, lebih utama dan lebih tinggi kedudukannya daripada orang yang zahir kekeramatannya itu (Hamid 1380, 128).

Kekeramatan yang menjadi tumpuan dan nilai ulama tasawuf ialah kekeramatan maknawi (*karamah haqiqiyyah / karamah ma`nawiyyah*). Mengenai hal ini Sheikh Abu al-Hasan al-Shadhili menjelaskan bahawa apa yang menjadi perhatian dan penilaian ialah kekeramatan yang sebenar iaitu tercapainya *istiqamah* dan sampainya ia ke tahap kesempurnaannya. Ia merujuk kepada dua perkara iaitu iman yang betul terhadap Allah dan mengikuti apa yang dibawa oleh Rasulullah s.a.w. zahir dan batin (Hamid, 128). Imam al-Qushayri pula menentukan kekeramatan maknawi tersebut sebagai kekeramatan yang paling besar yang dikurniakan kepada para wali. Mengenai hal ini beliau menyatakan bahawa antara kekeramatan yang paling agung bagi para wali ialah sentiasa mendapat taufiq bagi melakukan ketaatan dan terpelihara dari maksiat serta perkara-perkara yang menyalahi syariat (al-Qushayri, 356). Kekeramatan maknawi ini menurut Sheikh Muhy al-Din ibn `Arabi, hanya dikenali oleh golongan khusus dari kalangan hamba Allah, sedangkan orang awam tidak mengenalinya (Ibn `Arabi, 2: 369).

### **Tasawuf adalah Satu Pencapaian**

Penelitian terhadap keterangan Tuan Hj. Ishaq mengenai tasawuf mendapati bahawa beliau memahami tasawuf dengan makna mencapai hakikatnya iaitu kebersihan dan kesucian zahir dan batin, bukan hanya mengetahui hakikat tersebut. Ini dapat dilihat di mana orang yang bertasawuf bagi beliau itu



ialah orang yang telah mencapai hakikatnya. Sebaliknya orang yang hanya mengetahui tentang hakikat tasawuf, tetapi masih belum mencapainya, seperti mengetahui tentang sifat-sifat *madhmumah* tetapi ia masih wujud dalam hati, maka dia masih belum boleh dikatakan sudah bertasawuf (Ishaq, Kuliah, Mei 1989). Hal ini juga dapat dilihat di mana beliau sendiri ada mengeluarkan sebuah buku yang mengandungi keterangan mengenai cara-cara mengamalkan Tarekat Naqshabandiyah Khalidiyyah yang diberi judul *Cara-Cara Menjalani Amalan Dalam Tarekat Naqshabandiyah Khalidiyyah Untuk Mencapai Kepada Tasawuf*. Penamaan itu sendiri memperlihatkan bahawa tasawuf itu pada tanggapan beliau adalah suatu pencapaian yang mana cara mencapainya ialah dengan bertarekat.

Dari segi ini, Tuan Hj. Ishaq didapati telah memberikan huraian yang bersifat khusus bagi tasawuf. Ini kerana tasawuf itu, berdasarkan kepada keterangan ulamanya, mempunyai dua pengertian iaitu pengertian umum dan pengertian khusus. Pengertian umum bagi tasawuf, secara keseluruhannya, ialah satu bentuk ilmu tentang cara-cara mendidik dan membersihkan hati, yang mana ia boleh diketahui menerusi pembelajaran dan pengkajian (Zaruq 1318, 6; Haji Khalifah 1360, jil. 1: 413). Manakala tasawuf dengan pengertiannya yang khusus pula merujuk kepada pencapaian hakikat-hakikat tasawuf tersebut sehingga ia menjadi suatu pengalaman bagi diri seseorang itu dan seterusnya menjadi sifat yang sehati dengan dirinya (al-Qushayri, 280; al-Tusi 1960, 45).

Imam al-Ghazali telah menggabungkan kedua-dua pengertian tasawuf ini dalam satu definisi. Menurut beliau, tasawuf itu permulaannya ilmu, pertengahannya amal dan kesudahannya pemberian (*mawhibah*). Ilmu itu membongkar apa yang dikehendaki, amal itu membantu dalam menuntut (apa yang dikehendaki), dan pemberian itu menyampaikan kepada kemuncak cita-cita (al-Ghazali 1986, 22). Gabungan kedua-dua pengertian tasawuf ini dapat dilihat dalam definisi beliau di atas di mana beliau telah membahagikan tasawuf itu kepada tiga peringkat iaitu permulaan (ilmu), pertengahan (amal) dan kesudahan (pemberian). Ketiga-tiga perkara tersebut bagi beliau, adalah terangkum dalam pengertian tasawuf. Demikian juga Sheikh Ibn `Ajibah di mana beliau juga telah menggabungkan kedua-dua pengertian tasawuf ini dalam satu definisi (Ibn `Ajibah 1355, 4).

### **Cara Mencapai Tasawuf**

Oleh kerana Tuan Hj. Ishaq memahami tasawuf dengan pengertian khusus iaitu pencapaian hakikat-hakikatnya, maka sebab itu beliau berpendapat bahawa tasawuf itu tidak sekali-kali diperolehi menerusi pembacaan kitab-kitab tasawuf. Dengan membaca kitab tasawuf semata-mata adalah tidak memadai bagi mencapainya. Tasawuf hanya dapat dicapai menerusi amalan dan menjalani

jalan-jalannya (Ishaq, Kuliah, Mei 1989) iaitu mengamalkan tarekat, sama ada tarekat umum atau tarekat khusus. Pandangan Tuan Hj. Ishaq ini bersesuaian dengan apa yang telah diutarakan oleh tokoh-tokoh tasawuf terkenal mengenai perkara ini seperti Imam al-Ghazali, Sheikh Muhy al-Din ibn `Arabi dan Sheikh `Abd al-Wahhab al-Sha`rani.

Mengenai hubungan antara pengamalan (bertarekat) dengan pencapaian hakikat tasawuf ini, al-Ghazali menjelaskan bahawa jalan ke arah mencapai hakikat tasawuf itu ialah dengan mendahulukan *mujahadah*, menghapuskan sifat-sifat yang tercela, memutuskan ikatan-ikatan hati seluruhnya dan menumpukan perhatian dengan penuh hemah (kemahuan) kepada Allah s.w.t. (Mahmud t.th., 309). Bukan setakat itu sahaja, malahan beliau menegaskan bahawa hakikat tasawuf itu tidak dapat dicapai menerusi pembelajaran. Ia hanya dapat dicapai dengan *dhawq* (rasaan rohani) dan pertukaran sifat-sifat diri daripada sifat-sifat yang keji kepada sifat-sifat yang terpuji yang mana amal *mujahadah* itu adalah pembuka jalan ke arah itu (Mahmud t.th., 373).

Hal yang sama juga telah dinyatakan oleh Ibn `Arabi. Mengenai hal ini beliau menjelaskan bahawa jalan ke arah mencapai ilmu ahli tasawuf itu ialah menerusi iman dan taqwa (al-Sha`rani t.th., 6). Iman itu adalah asas atau dasar keyakinan dan taqwa itu pula merupakan penjagaan dan pengamalan terhadap syariat zahir dan batin. Begitu juga al-Sha`rani, beliau menjelaskan bahawa tasawuf itu merupakan hasil daripada pengamalan seseorang terhadap syariat. Menurut beliau, ilmu tasawuf itu ialah ilmu yang tercetus dalam hati para wali ketika hati mereka itu bersinar menerusi pengamalan terhadap al-Quran dan Sunnah. Setiap orang yang beramal dengan kedua-duanya, akan tercetus daripada pengamalannya itu ilmu-ilmu, adab-adab, rahsia-rahsia dan hakikat-hakikat yang mana lidah (pertuturan atau bahasa) tidak berkeupayaan menjelaskannya (al-Sha`rani 1305, 6). Selanjutnya beliau menjelaskan lagi bahawa tasawuf itu merupakan saripati daripada pengamalan seseorang terhadap peraturan-peraturan syariat apabila amalannya itu bersih daripada sebarang kecacatan dan tuntutan hawa nafsu (al-Sha`rani 1305, 6). Keterangan al-Ghazali, Ibn `Arabi dan al-Sha`rani tersebut jelas menunjukkan bahawa hakikat tasawuf itu hanya dapat dicapai menerusi pengamalan atau bertarekat seperti juga yang telah dinyatakan oleh Tuan Hj. Ishaq.

Walau bagaimanapun Tuan Hj. Ishaq tidak menafikan sama sekali adanya orang yang mencapai hakikat tasawuf tanpa menerusi tarekat. Dia hanya mengamalkan syariat yang zahir dengan melaksanakan kewajipan-kewajipan agama yang asas iaitu apa yang diistilahkan sebagai *mujahadat taqwa* yang menjadi kewajipan ke atas setiap muslim. Orang seumpama ini disebut sebagai *majdhub* (orang yang mendapat *jadhbah*). Majdhub ini dimisalkan oleh Tuan Hj. Ishaq sebagai orang yang menjadi kaya kerana mendapat harta karun. Dia

memiliki kekayaan tetapi tidak tahu cara-cara berusaha untuk mendapatkan kekayaan itu. Kerana itu dia tidak boleh dijadikan ikutan. Disebabkan kewujudan orang seumpama ini sangat jarang maka kerana itu dia tidak boleh dijadikan ukuran bagi kebanyakan orang (Jahid, Temubual, September 1999).

### **Kesimpulan**

Daripada penjelasan yang telah dinyatakan dapat dibuat kesimpulan bahawa tasawuf menurut pandangan Tuan Hj. Ishaq ialah kebersihan dan kesucian diri manusia zahir dan batin. Ia adalah satu pencapaian menerusi amalan khusus yang dilaksanakan, bukan hanya memiliki pengetahuan mengenainya. Ia adalah maqam ihsan yang merupakan salah satu dari tiga rukun agama, yang berfungsi memantapkan keimanan dan pelaksanaan syariat agama. Pemikiran dan pandangan Tuan Hj. Ishaq mengenai tasawuf ini menyentuh intipati dan unsur asas tasawuf itu sendiri di samping selari dengan petunjuk al-Quran, sunnah dan juga pendirian para ulama tasawuf mengenai persoalan yang dibicarakan.

## Rujukan

- al-Bukhari, Muhammad ibn Isma`il, 1987/1407, *Al-Jami` al-Sahih al-Mukhtasar*, Beirut: Dar Ibn Kathir.
- al-Ghazali, Muhammad ibn Muhammad, 1986/ 1406, *Rawdat al-Talibin wa `Umdat al-Salikin*, dlm. *Majmu`at Rasa'il al-Imam al-Ghazali*, Beirut: Dar al-Kutub al-`Ilmiyyah.
- Haji Khalifah, Mustafa ibn `Abd Allah, 1360, *Kashf al-Zunun `an Asami al-Kutub wa al-Funun*, Jil,1, t.tpt: Matba`ah al-Ma`arif al-Turkiyyah.
- Ibn `Ajibah, Ahmad, 1983/1403, *Iqaz al-Himam fi Sharh al-Hikam*, Jil.1 & 2, Beirut: Dar al-Kitab al-`Arabi.
- Ibn `Ajibah, Ahmad, 1355 H, *Mi`raj al-Tashawwuf ila Haqa'iq al-Tasawuf*, t.tpt: Matba`ah al-Itidal.
- Ibn `Arabi, Muhy al-Din Muhammad ibn `Ali, t.th., *al-Futuh al-Makkiyyah*, Jil.2, Beirut: Dar al-Sadir.
- Ibn Hanbal, Ahmad al-Shaybani, t.th., *Musnad al-Imam Ahmad ibn Hanbal*, Jil.1,2,3, & 4, Misr: Muassasah Qurtubah.
- Ishaq Muhammad Arif, t.th., (a), *Asal-Usul Perkembangan Tarekat Naqsyabandiyyah di Daerah Raub*, t.tpt: t.pt.
- Ishaq Muhammad Arif, t.th., (b), *Sejarah Perkembangan Tarekat Naqshabandiyyah Khalidiyyah Di Kampung Durian Sebatang, Mukim Gali, Raub, Pahang, Dar al-Ma`mur*, t.tpt: t.pt.
- Ishaq Muhammad Arif, t.th., (c), *Cara-Cara Menjalani Amalan Dalam Tarekat Naqsyabandiyyah Khalidiyyah Untuk Mencapai Kepada Tasawuf*, t.tpt: t.pt.
- Ishaq Muhammad Arif, t.th., (d), *Sejarah Hidup Seorang Hamba Allah Yang Bernama Ishaq bin Muhammad Arif Dan Sejarah Penerokaan Kampung Temau (Dong), Raub, Pahang*, t.tpt: t.pt.
- Ishaq Muhammad Arif, t.th., (e), *Majmu` al-Masa'il*. t.tpt: t.pt.
- Ishaq Muhammad Arif, 1988, (f), *Majmu` al-Maw`izah*, Raub: Pustaka al-Huda.
- Ishaq Muhammad Arif, 1987, (g), *Tanbih al-Muridin*, Kuala Lumpur: Nurin Interprise.
- Tuan Hj. Ishaq bin Muhammad Arif, Kuliah Dalam Ijtimak di Surau Jeram Bangkin, Dong, Raub, Pahang, Mei 1989.
- Jahid Sidek, t.th., *Biografi al-Imam Haji Ishaq bin Muhammad Arif*, t.tpt: t.pt.
- Jamaluddin bin Taib, t.th., *al-Imam Haji Ishaq bin Muhammad Arif*, t.tpt: t.pt.
- al-Jilani, `Abd al-Qadir, 1956, *Al-Ghunya li Talib Tariq al-Haq*, Kaherah: Maktabah wa Matba`ah Mustafa al-Babi al-Halabi wa Awladihi.
- al-Kumushkhanawi, Ahmad, 1328, *Jami` al-Usul fi al-Awliya'*, Kaherah: t.pt.

- ██████████ ██████████ ██████████
- Mahmud, `Abd al-Halim, t.th., *Qadiyyat al-Tasawwuf: al-Munqidh min al-Dalal*, Kaherah: Dar al-Ma`rifah.
- al-Naysaburi, Muslim ibn al-Hajjaj al-Qushayri, 1954 M/ 1374 H, *Sahih Muslim*, Beirut: Dar Ihya' al-Turath al-`Arabi.
- al-Qushayri, `Abd al-Karim ibn Hawazin, 1990, *al-Risalah al-Qushayriyyah*, Beirut: Dar al-Jayl.
- Saqr, Hamid, 1380, *Nur al-Tahqiq*, Misr: Matba`ah Dar al-Ta'lif.
- al-Sha`rani, `Abd al-Wahhab, t.th., *al-Tabaqat al-Kubra*, Beirut: al-Maktabah al-Sha`biyyah.
- al-Sha`rani, `Abd al-Wahhab, 1305, *al-Yawaqit wa al-Jawahir*, Jil.1 & 2, t.tpt: Matba`ah al-Azhariyyah al-Misriyyah.
- al-Tusi, Abu Nasr al-Sarraj, 1960, *Al-Luma` fi al-Tasawuf*, Kaherah: Dar al-Kutub al-Hadithah, Baghdad: Maktabah al-Mathna.
- al-Yafi'i, `Abd Allah, 1961 M/ 1381 H, *Nashr al-Mahasin al-Ghaliyah fi Fadl al-Mashayikh al-Sufiyyah*, Kaherah: Maktabah wa Matba`ah Mustafa al-Babi al-Halabi wa Awladihi.
- Zaruq, Ahmad, 1318, *Qawa'id al-Tasawuf*, Kaherah: Matba`ah Misr.

---

ABDUL MANAM MOHAMAD, Ph.D.  
Fakulti Pengajian Kontemporari Islam  
Universiti Darul Iman Malaysia  
Kampus KUSZA  
21300 Kuala Terengganu, MALAYSIA.  
Emel: [abdulmanam@udm.edu.my](mailto:abdulmanam@udm.edu.my)